




JENDELA

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

BIL. 3, SEPTEMBER 1987

SELAMAT DEEPAVALI

MAJLIS KEMAJUAN
KAWASAN TAMPUBON



UNTUK EDARAN KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN SAHAJA

Sekapur Sireh

Salam Bahagia.

JENDELA mengucapkan selamat bertemu sekali lagi dalam buletin JENDELA keluaran ke-3, tahun 1987.

Dalam keluaran kali ini JENDELA ingin merakamkan ucapan "*Selamat Menyambut Hari Deepavali*" bagi semua kaum India yang bertugas di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Seperti biasa JENDELA berkembang setapak lagi dengan adanya penyertaan dua ahli Jawatankuasa baru yang tidak kurang hebatnya untuk menyediakan bahan-bahan bacaan umum kepada pembaca dan peminat sekalian. JENDELA sekali lagi mengucapkan selamat datang kepada mereka berdua ini.

JENDELA kali ini ingin memaparkan beberapa sudut baru yang kami harap akan mendapat perhatian para pembaca sekalian. Sudut baru tersebut ialah sudut personaliti dan sudut pandangan. Kandungan yang lain adalah seperti biasa, seperti sumber ilham, laporan dan lain-lain. Kami berharap para pembaca JENDELA akan berpuas hati terhadap sajian yang telah kami sediakan.

Akhir sekali JENDELA mengucapkan selamat membaca di samping tugas-tugas harian anda.

KANDUNGAN

| | |
|------------------------------|----|
| Wawancara | 2 |
| Rencana | 5 |
| Sudut Pandangan | 6 |
| Personaliti | 7 |
| Petikan | 8 |
| Laporan | 9 |
| Surat Kepada Pengarang | 10 |
| Sudut Resipi | 11 |
| Sumber Ilham | 12 |
| Ucapan | 15 |
| Peraduan Silang Kata | 23 |

Sidang Pengarang

Aznan Omar (*Ketua Pengarang*)
Akhiar Salleh
Boey Fook Loong (*Grafik*)
Mohd. Noor Din
Mary Vergis
Norma Bahri
Sakinah Che Embi
Lim Chee Hong (*Penasihat*)

Penghargaan juga kepada

Cik Nazik Yusoff - *Jurutaip*
Encik Kirubananthan - *Pelukis Katun*
Encik Kamaruddin Bidin - *Pencetak*
Encik Ismail Abu - *Pencetak*
Penderma-penderma untuk ucapan Deepavali dan orang-orang perseorangan yang sama-sama membantu dalam penerbitan JENDELA keluaran ini.



WAWANCARA

(dengan Ketua Pustakawan)

Perkhidmatan pinjaman berkomputer

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia akan mengendalikan perkhidmatan pinjaman berkomputer bagi semua buku pada bulan Februari tahun depan sebagai cubaan. Ini telah disahkan oleh Encik Lim Huck Tee, Ketua Pustakawan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Beliau berkata bahawa satu program untuk melabel *bar code* semua buku rak terbuka dan majalah berjilid akan diadakan pada bulan November ini. Program tersebut akan memakan masa lebih kurang 3 bulan. Bila ditanya sama ada sempat untuk menjalankan kerja-kerja melabel *bar code* buku dan majalah berjilid, katanya untuk tujuan ini pihak universiti telah bercadang untuk mengambil pelajar-pelajar universiti bagi menjalankan projek ini supaya lebih cepat dan berkesan. Bertanyakan sama ada pihak universiti mempunyai cukup wang bagi membiayai projek perkhidmatan pinjaman berkomputer, katanya lagi pihak universiti telah pun meluluskan peruntukan tersebut dan perbelanjaannya tidaklah sebegitu besar memandangkan Perpustakaan ini telah dilengkapi dengan komputer.

Perpindahan Pejabat Penerbit USM

Menyentuh tentang apakah kegunaan bilik pejabat Penerbit USM dahulu setelah bahagian itu berpindah ke pejabat barunya yang terletak di sebelah Pejabat Ketua Pustakawan, beliau menerangkan mungkin bilik-bilik pejabat lama Penerbit USM akan digunakan sebagai bilik rujuk abstrak dan indeks. Beliau berkata perkara tersebut masih dalam cadangan dan rundingan. Besar kemungkinan bilik-bilik itu akan diberikan kepada Bahagian Rujukan kerana rak-rak rujukan masa kini telah terlalu banyak dengan buku-buku rujukan.

Penjimatan kuasa elektrik

Memandangkan kepada kesan inflasi sekarang, Encik Lim Huck Tee menerangkan bahawa Perpustakaan akan cuba lebih bercermat dengan penggunaan kuasa elektrik. Katanya Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah membelanjakan lebih kurang \$30,000 sebulan untuk membiayai penggunaan elektrik. Perkara ini akan diusahakan untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik daripada \$30,000 kepada \$20,000 sahaja sebulan. Oleh sebab itu bilik bacaan di tingkat bawah tidak akan dibuka pada hari-hari biasa. Pada penggal ini ia akan mula dibuka pada 1 Oktober 1987.

Lawatan Menteri Pendidikan

Bila ditanya tentang lawatan Menteri Pendidikan Y.B. Encik Anwar Ibrahim ke Perpustakaan baru-baru ini, Encik Lim berkata ia sendiri pun tidak tahu apakah tujuan sebenar lawatan tersebut. Kata Encik Lim lagi, lawatan mengejut Menteri Pendidikan itu adalah semata-mata untuk meninjau koleksi-koleksi yang terdapat di Perpustakaan ini, khususnya koleksi Bahasa Malaysia. Selain daripada itu, Ketua Pustakawan juga menerangkan bahawa beliau ingin meminta bangunan tambahan atau bangunan yang lebih besar daripada yang ada sekarang setelah diberitahu bahawa Perpustakaan Universiti Sains Malaysia kini didapati terlalu sempit sepertimana yang disuarakan oleh Menteri Pendidikan tersebut. Walau bagaimanapun Y.B. Encik Anwar telah mencadangkan kepada Perpustakaan ini supaya membeli semua buku Bahasa Malaysia terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Keadaan ini telah lama dilakukan, tambah Encik Lim. Encik Lim Huck Tee juga mengatakan bahawa Perpustakaan ini telah dijadikan satu pusat untuk melatih pustakawan-pustakawan dari Asia Tenggara khususnya dan Asia Pasifik amnya. Ini adalah kerana Perpustakaan Universiti Sains Malaysia ini adalah sebuah perpustakaan di rantau ini yang julung-julung kalinya menyediakan projek MALMARC.

Latihan untuk tingkatkan mutu kerja kakitangan

Beberapa latihan sedang dan akan disediakan untuk kakitangan-kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Latihan ini akan memberi peluang kepada Atendan, Kerani dan Pegawai Ikhtisas. Latihan untuk Atendan adalah latihan di Bahagian Media dan di Bengkel Jilid. Ketua Pustakawan mengatakan bahawa latihan ini adalah bagi menyediakan diri mereka untuk masa akan datang. Rancangan latihan ini adalah untuk membiasakan diri mereka di samping memberi pengalaman yang sewajarnya, dan kata Encik Lim lagi jika terdapat kekosongan jawatan, mereka bolehlah memohon jawatan-jawatan tersebut, iaitu jawatan Juruteknik Rendah dan Penjilid. Program latihan untuk Kerani juga sedang dirancangan.


Memperluaskan perkhidmatan berkomputer pada tahun 1989

Pihak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dijangka akan memperluaskan perkhidmatan berkomputer kepada semua Cawangan Perpustakaanannya. Antaranya ialah Perpustakaan Cawangan Perak, Perpustakaan Perubatan di Kubang Kerian dan pusat-pusat luar kampus di seluruh negara. Dalam jangkaan ini Ketua Pustakawan, Encik Lim Huck Tee berkata program ini akan dilaksanakan pada akhir tahun 1989.

Pakaian kakitangan

Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Encik Lim Huck Tee akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana kakitangan Perpustakaan ini yang berpakaian tidak sopan ketika di pejabat. Katanya teguran berhubung dengan perkara ini sudah lama dibuat dan disuarakan, malah masih ramai yang enggan mematuhi arahan ini. Memandangkan kepada peraturan baru yang dikeluarkan oleh pihak Hal-Ehwal Pelajar baru-baru ini yang mengenakan disiplin supaya para pelajar tidak memakai selipar ketika di dalam Perpustakaan, beliau selaku seorang pegawai universiti ini mestilah mematuhi segala arahan tersebut. Lanjutan daripada ini Encik Lim ingin memperingati kakitangannya agar berpakaian sempurna di pejabat. Beliau mahu bukan sahaja mutu perkhidmatan yang cecap malah pakaian juga mestilah kemas. Tindakan boleh diambil pada bila-bila masa memandangkan kakitangan sekarang telah sedia maklum dengan perkara ini.

Dalam temubual tersebut Encik Lim Huck Tee ingin menasihatkan semua kakitangannya supaya mengikut peraturan-peraturan pakaian yang sedia ada dan berdisiplin ketika menjalankan tugas seharian mereka.



SEJARAH LISAN

oleh

Sakinah Che Embi

Sejarah Lisan menghuraikan sesuatu peristiwa seseorang individu masa lampau secara lisan. Tumpuan pusatnya ialah temubual seseorang menceritakan kembali secara lisan apa yang dialaminya atau apa yang terjadi pada zaman yang lampau dengan secara rakaman. Ianya ialah untuk tujuan mentafsir sejarah. Mengguna bukti lisan untuk mentafsir masa lampau adalah satu bentuk menyiasat sejarah dengan panjang lebar. Ianya mengenangkan kembali peristiwa lama untuk keperluan kini. Sejarah lisan memikat minat ramai kerana ianya memberi kesan "personal touch" terhadap kejadian peristiwa lama. Ianya telah diperjuangkan sebagai salah satu cara untuk memahami orang biasa di zaman lalu. Ianya memberi peluang kepada orang biasa daripada berbagai bidang kehidupan untuk menyuarakan peristiwa yang mereka telah alami melalui rakaman temubual. Temubual-temubual sebegini mungkin dapat mengemukakan hubungan yang hilang di antara satu peristiwa dengan yang lain melalui tafsiran ahli-ahli sejarah.

Sejarah lisan dengan cara ini dapat memperlengkapkan catatan-catatan bertulis. Ianya juga menggalakkan masyarakat menjadi lebih sedar tentang masa lampau mereka, dan dapat merangsangkan minat dan penyelidikan dalam sejarah tempatan.

Jawatankuasa Sejarah Lisan Universiti Sains Malaysia yang juga Perpustakaan menjadi ahlinya telah memulakan Projek Sejarah Lisan ini pada tahun 1983 mengenai Pendudukan Jepun di Perak Utara, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Rancangan ini merangkumi semua peringkat Pendudukan Jepun termasuk hal-hal ekonomi, dasar-dasar sosial dan ketenteraan, pentadbiran dan pergerakan penentangan. Butir-butir terperinci juga dikumpulkan berkaitan dengan kemasukan askar-askar Jepun ke Malaya dan bagaimana mereka menguasai negeri ini, serta peristiwa-peristiwa pada penghujung zaman pendudukan tersebut dan kedatangan semula askar-askar British.

Sejarah Lisan sangat penting di Malaysia kerana banyak catatan-catatan sejarah telah hilang semasa Pendudukan Jepun.

Temubual-temubual ini dirakamkan dan transkripsinya disimpan bersama-sama dengan rakaman asal di Bahagian Malaysiana dan Arkib Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

Sudut Pandangan


Mari kita lihat dan pandang kembali pada awal tahun 70-an. Zaman yang dikatakan zaman kegemilangan pada awal tertubuhnya. Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Universiti Pulau Pinang. Daripada yang serba kekurangan kepada yang serba lengkap. Daripada bangunan tumpangan kepada yang dipunyai sendiri. Daripada kakitangan yang bilangannya kecil kepada yang terbanyak kini. Itulah satu-satunya era baru untuk kita memperhatikan perkembangan perpustakaan sekali pandang. Perpustakaan ini ditubuhkan sama dengan tertubuhnya Universiti Sains Malaysia, iaitu pada tahun 1969. Perpustakaan ini mula ditempatkan di MTC kemudian berpindah ke Bangunan No. 1 yang kini menjadi Muzium dan Galeri Universiti dan barulah ke bangunan yang sedia ada sekarang. Salah seorang kakitangan tersebut yang sehingga kini bertugas di Perpustakaan ialah Ketua Pustakawannya, Encik Lim Huck Tee. Pada masa itu cuma terdapat empat orang kakitangan sahaja bertugas di Perpustakaan, iaitu seorang pegawai, seorang jurutrengkas dan dua orang jurutaip. Daripada perpustakaan yang kecil dengan bilangan kakitangannya cuma 4 orang kepada lebih 180 orang sekarang ini. Selain daripada Perpustakaan Utama, terdapat juga Perpustakaan Cawangan seperti Perpustakaan Perubatan di Kubang Kerian, Kelantan, Perpustakaan Perubatan di Kampus Induk Pulau Pinang, Perpustakaan Cawangan Kampus Perak, Ipoh dan Perpustakaan Media di Pusat Teknologi Pendidikan dan Media.

Masih ramai di kalangan kita belum tahu akan koleksi-koleksi yang terdapat di Perpustakaan ini. Ada setengah-setengahnya tidak ambil peduli atau tidak ambil tahu apa yang terdapat di Perpustakaan ini. Yang menyedihkan sekali ada di kalangan kita tidak tahu apakah koleksi-koleksi tertentu yang disediakan oleh Perpustakaan Universiti Sains Malaysia selain daripada buku dan majalah. Antara koleksi yang jarang kita dengar dan jarang pula terdapat di mana-mana Perpustakaan ialah koleksi buku-buku haram, buku-buku nadir, koleksi risalah, koleksi orang-orang perseorangan seperti Koleksi Gerald Hawkins, Kassim Ahmad dan lain-lain. Selain daripada itu kita juga mempunyai sebuah arkib yang menyimpan koleksi-koleksi tertentu universiti yang tidak ternilai harganya. Perpustakaan Universiti Sains Malaysia kini telah dilengkapi dengan alat-alat komputer yang serba moden untuk mempercepatkan tugas-tugas harian dan mengendalikan perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkesan.

Akhir kata dengan sekali imbas dan sekali pandang, kita dapat juga mengenal Perpustakaan Universiti Sains Malaysia ini dengan lebih mendalam.

Aznan Omar

Personaliti



MAT RONI ABDUL RAHMAN

Bayi lelaki yang dilahirkan kira-kira 25 tahun dahulu di daerah Kuala Nerang, Kedah, kini telah menjadi seorang anak muda yang boleh dibanggakan. Mat Roni Abdul Rahman atau lebih senang dengan panggilan Roni sahaja adalah anak kedua daripada seramai 8 adik-beradik.

Roni mula menjejakkan kaki ke alam persekolahan pada tahun 1968 di Sekolah Kebangsaan Nako Nambua, Kuala Nerang, Kedah. Selepas tamat darjah enam, dia belajar di Sekolah Menengah Dato' Syed Ahmad, Kuala Nerang, sebelum memasuki tingkatan enam di sekolah Menengah Syed Omar, Alor Setar. Pada tahun 1981, dia mencipta sejarah bagi keluarganya bila menjadi orang kedua berjaya menjejakkan kaki ke Menara Gading selepas abangnya. Berbekalkan perangsang daripada kedua ibu bapa dan semangat ingin berbakti kepada keluarga, dia telah berjaya memperolehi ijazah daripada Universiti Malaya pada tahun 1984.

Pada bulan Julai 1985, dia telah diterima masuk ke Institut Teknologi Mara untuk mengikuti kursus Diploma Sains Perpustakaan. Cita-citanya untuk menjawat jawatan dengan Kerajaan telah tercapai bila diterima untuk berkhidmat dengan Universiti Sains Malaysia pada 20 Julai 1987 sebagai Pegawai Tadbir di Perpustakaan.

Roni merasa bertuah kerana dapat bekerja di Perpustakaan di Pulau Mutiara ini kerana bertepatan dengan hobinya yang suka membaca dan menikmati keindahan alam. Roni yang masih bujang *trang-tang-tang* ini bila ditanyakan mengenai gadis idamannya.... *yang mengembirakan hati...*, katanya perlahan dan terus menghirup minuman kegemarannya -teh ais.

Pemuda yang berperawakan lembut ini berazam bekerja bersungguh-sungguh dan meningkatkan prestasi kerja untuk menaburkan bakti sebanyak mungkin. Bila ditanyakan tentang falsafah hidupnya, dengan bersemangat dia menjawab, *Agi hidup Agi Ngalaban!*.

Petikan

ECLIPSE OF THE SUN *(THE OPERATION OF A CHAIN OF COMMAND)*

The Colonel To The Major:

At nine o'clock tomorrow there will be an eclipse of the sun, something which does not occur everyday. Get the men to fall out in the company street in their fatigues so that they will see this rare phenomenon, and I will explain it to them. In case of rain, we will not be able to see anything, so take the men to the gym.

The Major To The Captain:

By order of the colonel, tomorrow at nine o'clock there will be an eclipse of the sun, if it rains you will not be able to see it from the company street. So then, in fatigues, the eclipse of the sun will take place in the gym, something that does not occur everyday.

The Captain To The Lieutenant:

By order of the colonel in fatigues at nine o'clock in the morning the inauguration of the eclipse of the sun will take place in the gym. The colonel will give the order if it should rain, something which occurs everyday.

The Lieutenant To The Sergeant:

Tomorrow at nine the colonel in fatigues will eclipse the sun in the gym. If it is a nice day it will occur everyday, if it rains, by order it will take place in the company street.

The Sergeant To The Corporal:

Tomorrow at nine the eclipse of the sun in fatigues will take place by cause of the sun. If it rains in the gym, something which does not take place everyday, you will fall out in the company street.

Comments Among The Privates:

Tomorrow if it rains, it look as if the sun will eclipse the colonel in the gym. It is a shame that does not occur everyday.

Take Breaks every hour, VDT workers advised

KUALA LUMPUR, Sun. - Malaysians doing intensive work on video display terminals (VDTs) are advised to follow what their American counterparts are doing - take a 15-minute break after every hour.

US researcher David Eisen said today that this was one of the recommendations of an American agency on occupational health and safety.

He said VDT operators should work with proper lighting, and comfortable and adjustable furniture to avoid muscle and eye strain.

Mr. Eisen, the National Research and Information Director of the Newspapers Guild of the United States and Canada, was giving a talk on *New Media Technology and Its Impact On Journalism*.

Prolonged exposure to radiation emitted by VDTs could also be hazardous especially to pregnant women, he said. - Bernama

- Dipetik daripada akhbar *The Star* - 21 September 1987

Laporan

Ketua Pustakawan ke Mesir selama dua minggu

Ketua Pustakawan, Encik Lim Huck Tee telah berlepas ke Mesir pada 22 September baru-baru ini. Tujuan beliau ke sana adalah kerana beliau merupakan salah seorang daripada pakar perundingan UNESCO untuk mengkaji semula pembinaan dan menghidupkan semula perpustakaan yang tertua di dunia, iaitu Perpustakaan '*Ancient Library of Alexandria*'. Katanya ini merupakan satu penghormatan bukan saja kepada dirinya sendiri malah kepada Perpustakaan ini khususnya.

Sebelum itu, bulan Julai yang lepas, Encik Lim Huck Tee telah menghadiri mesyuarat 'APINMAP' yang bertempat di Bangkok, Negara Thai. Di situ beliau juga merupakan salah seorang pakar perunding UNESCO.

WSJ, SCE, SMN ke Pesta Buku Malaysia

Cik Wong Sook Jean, Puan Sakinah Che Embi dan Cik Salmah Mohd. Noor telah berkunjung ke Pesta Buku Malaysia pada 24 dan 25 Ogos yang lalu. Pesta buku tersebut telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Di situ mereka telah membuat beberapa pemilihan buku baru untuk dipesan.

Pejabat baru Penerbit USM

Penerbit USM telah berpindah ke pejabat barunya pada hari Sabtu, 5 September 1987. Pejabat baru yang juga bertempat di tingkat tiga Perpustakaan mempunyai keluasan lebih kurang 1,150 kaki persegi sementara ini menempatkan kesemua kakitangannya yang seramai enam orang. Kerja-kerja pemindahan telah dilakukan dengan bantuan beberapa orang kakitangan daripada Bahagian Bersiri dan Dokumen, Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Bahagian Proses Teknik. Penerbit USM mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam kerja-kerja pemindahan tersebut.

Perlantikan baru

1. Mat Roni b. Abd. Rahman. Pegawai Tadbir - Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan dan juga Bahagian Perkhidmatan Media - 20 Julai 1987.
2. Jegathesan a/l Ramasamy. Atendan - Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan - 1 Jun 1987.
3. Rosni bt. Habib. Pembaca Pruf - Penerbit Universiti Sains Malaysia - 15 Januari 1987.

Perletakan Jawatan

1. Azhari b. Ali. Kerani Sementara - Bahagian Automasi - 14 Julai 1987.
2. M. Balakrisnan a/l Mariappan. Atendan - Bahagian Malaysiana dan Arkib - 1 Julai 1987.

Surat Kepada Pengarang

ALOHA DARI HAWAII

Kepada semua kakitangan Perpustakaan terutama di Bahagian Bahan-Bahan Bersiri & Dokumen.

ALOHA! Saya kirimkan salam dari Hawaii. Saya telah tiba pada 11 Ogos 1987 tetapi masih belum menyesuaikan diri lagi - badan saya masih mengikut waktu Malaysia dan rasa lapar/mengantuk pada jam yang tidak berpatutan di Hawaii! Kampus East-West Center dan University of Hawaii sangat besar dan indah - saya masih sesat jalan dan berjalan berpusing-pusing untuk mencari Perpustakaan semalam. Cuaca di sini lebih kurang sama dengan di Malaysia - cahaya matahari sangat terik tetapi tak rasa panas kerana angin kuat dan kering. Di sini terdapat banyak yang perlu dipelajari untuk menyesuaikan diri. Misalnya semasa melintas jalan, saya terpaksa mengingat untuk memandang ke kanan dulu kerana di Amerika, orang memandu di sebelah kanan. Saya juga belum biasa dengan peraturan lalulintas di sini. Saya berhenti menunggu kereta melintas sedangkan di sini pemandu-pemandu berhenti memberi peluang saya melintas dahulu.

Harga makanan di sini sangat mahal, sekiranya ditukarkan dikira dalam matawang Malaysia. Tambahan pula, tak rasa sedap - saya selalu menginginkan untuk makan nasi lemak, mee goreng dan koay teow sup! Mulai minggu depan saya akan memasak makanan sendiri - asrama mempunyai kemudahan untuk memasak. Saya ditempatkan di sebuah asrama 12 tingkat, bernama Hale Mansa. Dalam asrama ada dapur elektrik dan 'oven' untuk memasak, peti sejuk, mesin pembuat ais, bilik senaman (gym), bilik komputer (8 IBM PC), bilik-bilik TV, bilik muzik dan juga bilik snooker!. Sangat jauh bezanya daripada asrama di U.S.M.! Saya rasa kemudahan-kemudahan di asrama mungkin lebih baik daripada apa yang didapati di hotel.

Terdapat ramai pemegang biasiswa EWC di sini, lebih kurang 250 orang yang datang dari seluruh negara Asia dan Pasifik, termasuk seorang dari Bhutan dan beberapa orang dari negeri China. Antara mereka ini ada yang berjawatan tinggi - Pengarah atau Timbalan Pengarah Jabatan Kerajaan negeri masing-masing. Hanya 3 orang termasuk saya yang akan mengambil kursus sains perpustakaan - seorang pustakawan dari Burma, dan seorang lagi dari Massey University Library, New Zealand.

Buat masa sekarang, sesi suai-kenal dijalankan sebelum kursus bermula pada 24 Ogos 1987. Saya belum ada peluang melawati tempat-tempat peranginan di Pulau Oahu ini (Hawaii terdiri daripada beberapa pulau dan Honolulu, ibukotanya berada di atas pulau Oahu). Walaupun Hawaii adalah salah satu negeri dalam Amerika Syarikat, ianya sangat berbeza daripada segi kebudayaan dan penduduk. Sebahagian penduduk adalah "Hawaiian" yang berwajah seperti orang Melayu dan bertutur dalam bahasa Hawaii. Perkataan dalam bahasa itu biasanya berulang, misalnya baju Hawaii (untuk wanita) dipanggil "muu-muu" dan raja pertama Hawaii bernama Kamehameha. Orang Hawaii memanggil orang putih "Houle" seperti gelaran kita "Mat Salleh"! Walau bagaimanapun, kebanyakan (lebih daripada 60%) penduduknya adalah orang-orang Jepun walaupun tidak ramai lagi yang bercakap bahasa Jepun. Semua orang di sini biasanya bercakap bahasa Inggeris dengan pelat Amerika (American accent) dan saya rasa diri saya telah bermula bercakap Bahasa Inggeris dengan pelat itu juga! Sehingga di sini saja berita saya dari Hawaii.

Kemungkinan saya dapat menambahkan lagi berita pada masa akan datang, apabila saya bertukar daripada "malihini" (orang baru) kepada seorang "kemaaina" (orang yang tinggal lebih lama di Hawaii).

Sekian.

Lillian



Sudut Resipi

BEBOLA MINYAK SAPI


Bahan-bahan

- 2 cawan tepung kacang hijau
- 2 cawan minyak sapi (dicairkan)
- 1 cawan gula icing
- 2 tahil biji gajus (digoreng dan dipotong halus)
- 5 biji buah pelaga (dibuang kulit dan diambil bijinya sahaja) (ditumbuk halus - jadikan serbuk)

Cara-cara membuatnya

1. Adunkan tepung, gula icing, biji gajus dan buah pelaga.
2. Cairkan minyak sapi dan biarkan ianya sentiasa panas.
3. Campurkan minyak sapi ke dalam adunan tepung sedikit-sedikit supaya ianya sebat.
4. Kepalkan menjadi bulat sebesar bola ping pong dalam keadaan adunan itu yang masih panas. (Jika adunan itu sejuk bebola itu akan senang pecah semasa mengepalnya).
5. Ulang membuat bebola tersebut sehingga selesai.
6. Akhir sekali gulingkan bebola yang telah dikepal tadi dalam tepung kacang hijau supaya adunan itu tidak melekat.
7. Biarkan ia sejuk dan kemudian boleh dihidangkan.

Resipi sumbangan Puan Parameswary dari Bahagian Perolehan untuk perayaan Deepavali.



Sumber Uham

RESIPI MANISAN CINTA

Bahan-bahannya

- 3 cawan tepung saling percaya
- 2 cawan tepung kasih sayang
- 1 biji buah cinta
- 4 sudu besar cemburu (*diayak terlebih dahulu*)
- 2 titis warna-warna kesetiaan

Bahan-bahan untuk dikisar

- 3 sudu besar tidak jujur
- 2 sudu besar tidak persefahaman
- 3 cawan ketidaksetiaan


Bahan-bahan untuk hiasan

Memberi dan menerima secukupnya. Taburkan manik-manik keimanan

Cara-cara menyediakannya

1. Cinta dipukul hingga mengembang. Kemudian campurkan saling percaya dan kasih sayang dan kacau lagi hingga sebati.
2. Masukkan pula titisan warna-warna kesetiaan di dalam mangkuk hati dan gaul hingga sebati.
3. Masukkan butiran cemburu (*yang telah diayak tadi*). Kacau perlahan-lahan agar bertambah kuat kemanisan cinta itu.
4. Kesemua bahan-bahan dimasukkan ke dalam mangkuk hati, lalu dipanaskan di dalam dapur malam minggu selama 3 jam supaya api asmara itu menyala.
5. Setelah setengah masak taburkan bahan-bahan hiasan agar resipi itu kuat dan tahan lama.
6. Setelah masak, angkat dengan janji setia, kemudian hidangkan di dalam piring perkahwinan.
7. Sedia untuk dicuba.

(Kepada yang sedang bercinta cubalah resipi ini, rasanya pasti manis. Dijamin 100% keenakannya)



Sumbangan
Zeey. September 1987

Oh Adikku! Oh Ibuku!


lukisan hati lembaran jiwa
ku luahkan di hujung tinta
kemesraan
keindahan
kemanjaan

kemesraan dikau
keindahan dikau
kemanjaan dikau
sentiasa di hatiku
ketika bersamamu
sewaktu dahulu

kini
ku di perantauan
mengepit buku
dan catan
buat kita
masa depan

Adikku
Si Comel ayu
Ibuku
guruku
aku tetap rindu
dan terkenang selalu

harapan dan lamunan
ku gambarkan
di lukisan rindu
ku sudahi coretan
dengan pesanan
tunggalah kepulangkanku



ARH

Kerja Kerja Kerja


kerja kerja kerja
bangun pagi pergi kerja
kerja sampai senja

kerja kerja kerja ...
ingat hati nak buat jasa
walau terkadang secara paksa

kerja kerja kerja ...
bukan minta pingat berjasa
cuma hanya simpati biasa
kerana diri insan semata

kerja kerja kerja

Raihka 87



Hatiku

bulan mengambang
di pucuk cemara
bayangnya jatuh ke dalam kolam
aku tenggelam
di dasarnya

atata

MUTIARA KATA

Antara Pungguk, Laut dan Kumbang

1. Mengapa pungguk dijadikan untuk merindui bulan?

Sebenarnya pungguk dijadikan bukan untuk merindui bulan, tapi, pungguk dijadikan mempunyai perasaan dan keinginan yang terlalu tinggi, agar pengharapan itu akan beroleh kepadanya. Ia dapat menilai keindahan dan pandangan, tetapi apa yang indah bagi sifat pungguk ialah ia tidak mengerti putus asa walaupun apa yang diingini hanya dapat dikecapi dengan penglihatan.


2. Mengapa laut dijadikan dengan ombak yang bergelora?

Sesungguhnya Allah hendak menduga sejauh mana kebolehan seseorang itu dapat merintangai cabaran. Tidak semestinya laut itu terus bergelora, pasti pada satu masa ia akan tenang. Hanya badai sahaja yang membuat laut itu bergelora dan badai dapat menenangkan gelora yang mengila. Begitu juga dengan manusia, tidak semestinya ia bersifat tegas, adakala hatinya akan lembut, hanya dengan cara mengingati Allah.

3. Mengapa kumbang dijadikan untuk bunga?

Setiap bunga yang wujud itu ber madu, sudah lumrah bagi kumbang yang sukakan madu untuk menghisapnya, tapi, kumbang juga harus pandai memilih setiap bunga yang diingini kerana tidak semua bunga itu ber madu, kerana di sebalik madu itu terselit racun yang berbisa untuk membunuh kumbang itu.

Hasil nukilan
Zeey. September 1987



Tahniah

Ucapan tahniah kepada Ahmad bin Saleh daripada Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan atas pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh T.Y.T. Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada 16 Julai 1987.

"Deepavali Valthugal"

Kepada semua kakitangan Perpustakaan yang beragama Hindu. (Khasnya - *Kiru Manavalen, Norris Machan, Muniandy Aneh/Tambi, Vijay Inspektor Saab, Param Tambi dan lain-lain*).
- *Daripada Teh Toh Seng*

Selamat menyambut hari Deepavali kepada semua kakitangan India.

- *Daripada Lee Yin Yuen*

Selamat menyambut hari Deepavali kepada semua kakitangan India.

- *Daripada Angela Lau dan keluarga*

Selamat menyambut hari Deepavali kepada semua kakitangan yang beragama Hindu.

- *Daripada Stanley Wong dan keluarga.*

Selamat menyambut hari Deepavali untuk sesiapa saja yang merayakannya.

- *Daripada Akla - Penerbitan*

Selamat menyambut hari Deepavali untuk semua kakitangan yang beragama Hindu.



- *Daripada Shariffuddin Abd. Rahim*

Selamat menyambut hari Deepavali kepada semua kakitangan yang beragama Hindu.

- *Daripada Roni.*

Selamat menyambut hari Deepavali kepada semua kakitangan beragama Hindu, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.


- *Daripada Catherine Loh*



kepada
kakitangan
perpustakaan
beragama hindu

deepavali
valthugai

daripada
sidang pengarang
jendela perpustakaan
u.s.m.






kepada semua
kakitangan

yang
beragama
hindu



selamat
menyambut
deepavali

daripada
lim huck tee
dan
isteri



kepada semua
kakitangan
yang beragama
hindu

selamat
menyambut
deepavali

daripada

lim chee hong











selamat
berdeepavali

kepada
kakitangan
perpustakaan
beragama
hindu








daripada
fawzia
rapeah
nookizan




selamat
hari deepavali

kepada
kakitangan india
yang
beragama
hindu



daripada
kakitangan
bengkel jilid






kepada semua
kakitangan
perpustakaan
yang
beragama
hindu


selamat
menyambut
deepavali
daripada
yeoh
hoong kheng



kepada
semua kakitangan
perpustakaan
yang
beragama
hindu



selamat
menyambut
deepavali
daripada



tang wan fong






kepada semua
kakitangan
perpustakaan u.s.m.
yang beragama
hindu

selamat menyambut
hari deepavali

ikhlas dari

kakitangan perpustakaan
cawangan perak



kepada
semua kakitangan
perpustakaan
yang
beragama hindu

selamat
menyambut
deepavali



daripada

wong sook jean
chang siw lai



kami mengucapkan
selamat deepavali
kepada
semua kakitangan
beragama hindu

daripada




r. muniandy / k. kali
v. vasu / s. vijay



selamat hari
deepavali
kepada semua
kakitangan
beragama hindu


daripada

kalboom che din





ZAINOL,
'SELAMAT PENGANTIN
BARU'

DARIPADA,
K'TANGAN RED-SPOT
≠ LUAR KAMPUS



Selamat Pengantin Baru

JENDELA mengucapkan Selamat Pengantin Baru kepada Zainol b. Abd. Karim (Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan) dengan Cik Kamaliah bt. Abd. Rahman yang telah melangsungkan perkahwinan pada 27 September 1987. "Didoakan agar berkekalan hingga ke anak cucu".




Cahaya Mata/Tahniah

Encik Abd. Akla b. Wan Ismail dari Bahagian Penerbitan telah mendapat dua orang cahaya mata lelaki kembar pada 25 Julai 1987 dan Che Om Md. Noor dari Bahagian Automasi telah mendapat cahaya mata perempuan pada 11 Ogos 1987. JENDELA mengucapkan tahniah kepada mereka

Selamat menyambut Hari Jadi

Diucapkan selamat panjangkan umur kepada Boey Fook Loong dan selamat menyambut hari jadinya yang ke...? dengan ucapan "Nak tunggu sampai bila baru nak kahwin".
- Daripada CSL dan AO




To our dear Lillian,
HAPPY BIRTHDAY !!!

Luv,
GKO / WPK / BFL
x x x

Selamat Hari Lahir kepada Lillian Woon dengan ucapan 'semoga dipanjangkan umur.
Daripada : Sidang Pengarang JENDELA

Peraduan Silang Kata



Melintang

1. Dapat ketika jiwa tenang
5. Melakukan sesuatu sebagai permulaan
8. Terdapat pada ayam jantan
9. Aku Dia
10. Semut dalam bahasa Inggeris
11. Nama orang Melayu
14. Kanak-kanak yang pandai bercakap
16. "Pergi" kata orang Kedah ...
18. 1987
20. Zaman dahulu kala
22. Hendak melakukan sesuatu
24. Bekas untuk hidangan
25. Sejenis buah
27. Hitam macam ...
30. Tempat menyimpan wang

Ke bawah

1. Melihat melalui lubang-lubang dinding
2. Berkata-kata dalam perbahasan
3. Sijil sakit
4. Kaum yang terdapat di Sarawak
6. Kalau ada Dara adalah dia
7. Barang lama
12. Lekat
13. Terdapat dalam beras
15. Menjauhi daripada bahaya
17. Penuhi supaya lengkap
19. Ketua agama Islam di Malaysia
21. Terdapat pada baju
23. Yang Berhormat dalam ringkas
24. Tidak tidur pada waktu malam
26. Wujud ertinya
28. Gelaran pada mereka yang cantik
29. Tersebut ia dalam Al-Quran


Syarat-syarat penyertaan

- Terbuka kepada semua kakitangan Perpustakaan.
- Sidang Pengarang JENDELA tidak dibenarkan mengambil bahagian di dalam peraduan ini.
- Setiap penyertaan mestilah disertakan dengan bayaran sebanyak 20 sen.
- Sekiranya lebih seorang peneka yang berjaya, undian akan dijalankan untuk memilih seorang pemenang sahaja.
- Keputusan Pengadil adalah muktamad.
- Penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar kepada

Peraduan Silang Kata JENDELA 3/87
d/a Aznan Omar
Unit PAP, Perpustakaan.

dan mestilah sampai selewat-lewatnya pada 31 Oktober 1987.

- Jika tiada penyertaan yang berjaya, wang tersebut akan dibawa untuk keluaran akan datang.
- Keputusan akan diumumkan di dalam keluaran ke-4 JENDELA.



Peraduan Meneka Silang Kata 3/87

Nama:

Bahagian:

Tarikh:

J'kuasa Sidang Pengarang
JENDELA
Buletin Kakitangan Perpustakaan USM

Semua kakitangan dipertakakan

Terima Kasih daun keladi...

SEMANGAT SE UNIVERSITI AMAT KETARA
SUMBANGAN DIBERI IKHLAS DAN GEMBIRA
BERGANDING TENAGA, MASA DAN FIKIRAN
MEMBERI CAHAYA, MENGHILANGKAN KECELAPAN

TERIMALAH KIRIMAN PENGHARGAAN TINGGI
KEPADA SEMUA JASA DAN BUDI
YANG TERLIBAT DALAM USAHA YANG MULIA
PESTA SELERA SUDAH BERJAYA

DENGAN RASA TERHARU DAN GEMBIRA
DIUCAP TERIMA KASIH TIDAK TERKIRA
KEPADA SEMUA YANG TELAH MEMBANTU
TABUNG TUJUH ORANG YATIM PIATU

Suwainah H.

(Profesor Madya Dr. Siti Zuraina Majid)
Presiden

Persatuan Wanita Universiti Sains Malaysia

